

AZIAH OSMAN

LWN.

ABDUL GHANI OSMAN (RESPONDEN 1)

MOHD FALAH A. RAHIM (RESPONDEN 2)

Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan, YAA Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar (Pengerusi), YA Dato' Haji Mohd Amran bin Mat Zain (Ahli Panel), YA Dato' Haji Hussin bin Haji Harun (Ahli Panel)

Pada 21 Februari 2022 bersamaan 19 Rejab 1443H]

[Kes Rayuan Mal No. 05000-099-0011-2021]

[Bantahan Awal - Seksyen 89(1) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003]

Peguam Syarie Perayu: Nizam Harlina & Co

Peguam Syarie Responden: Tetuan Hanif Hassan & Co

ALASAN PENGHAKIMAN

[1] Kes ini adalah permohonan Interlokutori (Bantahan Awal) terhadap kes Rayuan no: 05000-044-0020-2019 berhubung tuntutan pengesahan Hibah yang telah difailkan oleh Responden-responden ke atas Pemohon dengan alasan bahawa:

- i. Pemohon tidak menerima apa-apa Notis Rayuan daripada Responden;
- ii. Nama defendan 2 dalam kes di Mahkamah Tinggi tiada dalam semua pliding Mahkamah rayuan sedangkan tidak ada perintah mahkamah yang membenarkan nama Defendan 2 dikeluarkan;

- iii. Responden 1 dan 2 telah gagal untuk mematuhi peruntukan seksyen 8 dan seksyen 41(1) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Sembilan.

FAKTA KES

[2] Pemohon dalam kes ini adalah Aziah binti Osman yang merupakan Responden dalam kes Rayuan Tuntutan Pengesahan Hibah. Responden 1 dalam kes ini adalah abang kandung kepada Pemohon manakala Responden 2 adalah anak saudara kepada Pemohon. Kedua-duanya merupakan Perayu 1 dan Perayu 2 dalam kes Rayuan Tuntutan Pengesahan Hibah.

[3] Pemohon dalam permohonannya memohon kepada mahkamah agar memerintahkan sebagaimana berikut:

1. Permohonan interlokutori bantahan awal Pemohon diluluskan;
2. Prosiding Rayuan Tuntutan Pengesahan Hibah No Kes 05000-044-0020-2019 dibuang dan dibatalkan;
3. Mahkamah memerintahkan Responden/Perayu membayar kos guaman kepada Pemohon/Responden dan Peguam Syarie kerana tidak teratur dan menyalahi prosiding mahkamah;
4. Lain-lain perintah atau relif yang munasabah dan suaimanfaat oleh Mahkamah yang mulia ini.

[4] Pemohon dalam hujahannya telah mengemukakan tiga (3) isu untuk dipertimbangkan oleh Mahkamah ini iaitu:

- i. Bahawa Notis Rayuan bagi kes Rayuan no 05000-044-0020-2019 telah gagal diserahkan kepada Pemohon/Responden sepertimana peruntukan Seksyen 138(8) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003;

ii. Bahawa affidavit penyampaian yang difailkan oleh Responden (1) dan Responden (2) adalah cacat, meragukan, memprejudiskan serta menyalahi peruntukan undang-undang; dan

iii. Kegagalan memasukkan kesemua pihak-pihak yang terlibat di dalam kes Mahkamah Tinggi Syariah bagi tuntutan Pengesahan Hibah no 05100-044-0325-2016 menjadikan pliding prosedur Rayuan cacat dan tidak teratur.

[5] Pemohon menghujahkan bahawa wujud kecacatan di dalam affidavit penyampaian R1 dan berlaku kesilapan prosedur apabila Notis Rayuan gagal diserahkan oleh Responden kepada Pemohon. Pemohon dalam hujahannya membuat rujukan kepada kes Ida Suraya bt Mustapha lwn Mohd Fauzi b. Hashim.

[6] Responden dalam hujahan menyatakan “setelah Responden-responden melantik peguam dan telah dinasihati sewajarnya prosedur undang-undang yang tepat kepada Responden-responden, maka isteri Responden 1 yang membuat penyerahan kediri Notis Rayuan tersebut telah mengikrarkan affidavit penyampaiannya di mahkamah yang Mulia ini.

ULASAN MAHKAMAH RAYUAN

[7] Berdasarkan kepada Notis Permohonan, affidavit serta penghujahan Pemohon dan Responden tersebut kami berpendapat tiga (3) isu yang perlu diulas iaitu:

- i. Samada Notis Rayuan bagi kes Rayuan no 05000-044-0020-2019 telah gagal diserahkan kepada Pemohon/ Responden sepertimana peruntukan Seksyen 138(8) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003;

- ii. Samada affidavit penyampaian yang difailkan oleh Responden (1) dan Responden (2) adalah cacat, meragukan, memprejudiskan serta menyalahi peruntukan undang-undang; dan
- iii. Samada kegagalan memasukkan kesemua pihak-pihak yang terlibat di dalam kes Mahkamah Tinggi Syariah bagi tuntutan Pengesahan Hibah no 05100-044-0325-2016 menjadikan pliding prosedur Rayuan cacat dan tidak teratur.

Isu pertama: Samada Notis Rayuan bagi kes Rayuan No: 05000-044-0020-2019 telah gagal diserahkan kepada Pemohon/Responden sepertimana peruntukan Seksyen 138(8) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003

[8] Pemohon menyatakan Responden 1 dan 2 gagal menyerahkan Notis Rayuan kepada Pemohon dan Pemohon hanya mengetahui kes melalui kakak Pemohon iaitu Rahamah binti Osman. Pemohon seterusnya merujuk kepada subseksyen 139 (8) ETMMS yang memperuntukkan seperti berikut:

(8) Notis rayuan hendaklah disampaikan oleh perayu dalam masa yang dihadkan bagi pemfailan rayuan kepada semua pihak yang terlibat dengan rayuan itu atau kepada Peguam Syar'ie mereka masing-masing.

[9] Oleh kerana Pemohon tidak menerima Notis tersebut, Pemohon menyatakan ia telah tidak mematuhi kehendak peruntukkan subseksyen 139(8) maka prosiding Rayuan tersebut adalah cacat.

[10] Berdasarkan affidavit penyampaian yang telah dibuat oleh Responden 1 yang diangkat sumpah pada 25/11/2019, Notis tersebut telah diserahkan pada 13/11/2019 di alamat 45 Kampung Bukit Merbah Jalan Tunku Kurshiah 70400 Seremban. Responden 1 mengikrarkan bahawa Pemohon telah menerima

sesalinan Saman dan penyata Tuntutan tetapi enggan menurunkan tandatangan beliau sebagaiakuan penerimaan.

[11] Cara penyampaian Notis Rayuan adalah **mutatis mutandis** kepada Seksyen 41 dan 42 Enakmen (Penyampaian Saman). Seksyen 41 dan 42 Enakmen tersebut jelas menyatakan dan difahami bahawa penyampaian sesuatu saman atau dokumen lain hendaklah dibuat ke diri orang yang hendak diserahkan, dan jika orang itu enggan menerimanya, bolehlah ditinggalkan berhampiran dengannya dan perhatiannya diarahkan kepada saman/ Notis Rayuan, dokumen atau salinannya.

[12] Pemohon walau bagaimanapun menafikan bahawa Responden 1 dan 2 pernah datang berjumpa bagi tujuan penyerahan Notis Rayuan.

[13] Responden dalam hujahan seterusnya menyatakan dalam hujahannya (perenggan 15) *“setelah Responden-responden melantik peguam dan telah dinasihati sewajarnya prosedur undang-undang yang tepat kepada Responden-responden, maka isteri Responden 1 yang membuat penyerahan kediri Notis Rayuan tersebut telah mengikrarkan affidavit penyampaiannya di mahkamah yang Mulia ini. (ekshibit SR-1).*

[14] Dalam affidavit penyampaian isteri Responden 1 pula dinyatakan *“bahawa saya pada 13hb November 2019 telah menghadiri majlis kenduri di rumah adik ipar saya yang Bernama Rahamah binti Osman yang beralamat di No 45 Kampung Bukit Merbah Jalan Tunku Kurshiah 70400 Seremban. Setibanya di sana jam lebih kurang 8.30 malam saya telah menjumpai Responden dan telah menyerahkan Notis Rayuan tersebut kepadanya. Namun begitu Responden enggan menurunkan tandatangan sebagai tanda penerimaan dokumen tersebut justeru saya terus beredar”*.

[15] Kami mendapati Pemohon dalam hujahannya tidak membangkitkan persoalan atau menafikan bahawa isteri Responden yang telah menyerahkan Notis Rayuan kepada Pemohon. Kami berpandangan dalam hal ini Pemohon sebenarnya telah menerima Notis Rayuan yang telah diserahkan oleh Responden melalui pihak lain. Dalihan Pemohon bahawa penyerahan yang dibuat oleh pihak Responden adalah saman dan pernyataan tuntutan dan bukannya Notis Rayuan adalah semata-mata dalihan. Sukacita kami menyatakan bahawa tujuan penyerahan Notis Rayuan iaitu memberi peluang kepada Pemohon untuk memfailkan Notis Rayuan Balas tidak terjejas walau siapapun yang menyerahkan Notis Rayuan tersebut.

[16] Dalam hal ini kami merujuk kepada Tatacara penyampaian sebagaimana yang diperuntukkan melalui seksyen 41 ETMMS.

Seksyen 41. Cara penyampaian.

- (1) Tertakluk kepada Bahagian ini, sesuatu saman atau dokumen lain hendaklah disampaikan ke diri, dan hendaklah dilaksanakan dengan menyerahkan saman atau dokumen lain itu, atau dengan mengemukakannya untuk diperiksa dan menyerahkan satu salinan saman atau dokumen lain itu, kepada orang yang kepadanya saman atau dokumen itu hendak disampaikan.*
- (2) Bagi maksud subseksyen (1), suatu salinan yang mengandungi meterai Mahkamah dan tandatangan Pendaftar hendaklah disifatkan sebagai suatu saman atau dokumen asal.*
- (3) Penyampaian sesuatu saman atau dokumen lain hendaklah dilaksanakan oleh pegawai Mahkamah atau mana-mana orang lain.*

Isu kedua: Samada affidavit penyampaian yang difailkan oleh Responden (1) dan Responden (2) adalah cacat, meragukan, memprejudiskan serta menyalahi peruntukan undang-undang

[17] Pemohon menyatakan dalam affidavitnya bahawa berdasarkan Affidavit Penyampaian Notis Rayuan, Pemohon mendapati bahawa Responden (1) telah

menyerahkan Notis kepada pemohon namun pemohon enggan menandatangani penyerahannya. Responden telah melampirkan tandatangan penyerahan oleh Siti Rayda binti Abd Majid (isteri kepada Responden 1) manakala penerimaan oleh Zarinah binti Abd Rahman iaitu menantu kepada Puan Rahamah (kakak kepada Pemohon). Di dalam penghujahannya Responden menyatakan kedua-dua pihak yang dinyatakan dalam affidavit penyampaian ini adalah saksi-saksi yang menyaksikan penyerahan kediri yang telah dibuat kepada pemohon yang enggan menurunkan tandatangannya.

[18] Mengenai bukti penyampaian, terdapat dua affidavit penyampaian yang dibuat berkenaan penyerahan Notis Rayuan kepada Pemohon. Affidavit penyampaian tersebut adalah bertarikh 25/11/2019 yang diikrarkan oleh Abdul Ghani bin Osman (Responden 1) dan yang kedua bertarikh 28/10/2021 yang diikrarkan oleh Siti Rayda binti Abdul Majid.

[19] Berdasarkan kedua-dua affidavit berkenaan kami berpandangan bahawa affidavit penyampaian yang dibuat oleh Responden 1 adalah berlaku kecacatan dan ketakakuran terhadap prosedur apabila penyerahan sebenarnya telah dilakukan oleh Isteri kepada Responden 1. Walau bagaimanapun kecacatan dan ketakakuran tersebut telah diperbetulkan dengan pemfailan affidavit penyampaian bertarikh 28/10/2021. Responden menyatakan "*setelah Responden-responden melantik peguam dan telah dinasihati sewajarnya prosedur undang-undang yang tepat kepada Responden-responden, maka isteri Responden 1 yang membuat penyerahan kediri Notis Rayuan tersebut telah mengikrarkan affidavit penyampaiannya di mahkamah yang Mulia ini.* (ekshibit SR-1).

[20] Ketakaturan dalam perkara ini walau bagaimanapun tidaklah menjejaskan keesahan prosiding Rayuan. Walau bagaimanapun kami ingin mengingatkan semua pihak terutama pegawai mahkamah untuk mengingatkan setiap pihak

sebelum membuat affidavit bahawa affidavit adalah kenyataan atau keterangan bertulis dengan mengangkat sumpah yang disaksikan oleh seseorang pegawai bertauliah dan sebarang penipuan atau kesalahnyataan dalam affidavit boleh menyebabkan pembuatnya boleh dikenakan tindakan dan hukuman.

[21] Merujuk kepada dokumen affidavit penyampaian ini kami walau bagaimanapun mengulangi pandangan kami sebelum ini bahawa penyampaian Notis Rayuan telah sempurna dan menepati tatacara penyampaian sebagaimana seksyen 41 ETMMS. Keengganan Pemohon menandatangani penerimaan tidaklah menjejaskan keesahan penyampaian itu. Ini selari dengan kehendak peruntukkan Seksyen 49 sebagaimana berikut:

Seksyen 49. Bukti penyampaian.

- (1) Penyampaian saman atau dokumen lain boleh, melainkan jika Mahkamah memerintahkan sebaliknya, dibuktikan melalui affidavit orang yang melaksanakan penyampaian itu dan, jika penyampaian itu adalah ke diri dan orang yang kepadanya saman atau dokumen lain itu hendak disampaikan tidak dikenalnya sendiri, melalui affidavit orang yang mengecamkan orang yang kepadanya saman atau dokumen itu hendak disampaikan.*
- (2) Orang yang kepadanya saman atau dokumen itu disampaikan hendaklah menandatangani suatu pengakuteraan penyampaian, tetapi keengganan atau ketakupayaannya menandatangani sedemikian tidaklah akan menjejaskan keesahan penyampaian itu.*

Isu ketiga: samada Kegagalan memasukkan kesemua pihak-pihak yang terlibat di dalam kes Mahkamah Tinggi Syariah bagi tuntutan Pengesahan Hibah no 05100-044-0325-2016 menjadikan pliding prosedur Rayuan cacat dan tidak teratur.

[22] Pemohon berhujah bahawa setiap pihak yang terlibat di dalam perbicaraan kes di Mahkamah Tinggi Syariah bagi tuntutan Pengesahan Hibah

hendaklah dinamakan di dalam semua pliding prosiding Rayuan. Defendan 2 semasa di peringkat perbicaraan di Mahkamah Tinggi Syariah iaitu Rahamah binti Osman tidak dinamakan di dalam semua pliding prosiding Rayuan sedangkan tidak ada perintah mahkamah yang membenarkan nama Defendan 2 tersebut dikeluarkan daripada pliding-pliding yang terlibat.

[23] Responden walau bagaimanapun merujuk kepada Tafsiran Perayu di bahagian 5 Jadual Kedua Rules of Court of Appeal 1994 iaitu: *Appellant- means a person desirous of appealing from a decision of the High Court to the Court of Appeal and includes a person who has been convicted for a criminal offence in any court and who by any written law is entitled to appeal to the Court of Appeal.* Berdasarkan takrifan tersebut Responden menghujahkan bahawa hanya pihak yang berkeinginan dan berkehendakkan untuk merayu sahaja layak untuk merayu di Mahkamah Rayuan.

[24] Responden juga merujuk kepada kes Wu Shu Chen & Anor v Raja Zainal Abidin bin Raja Hussin (1997) 2 MLJ 487 dan kes Puncak Klasik Sdn Bhd v Abdul Aziz bin Abdul Hamid 7 Ors [1994] 1 MLJ 136 berkenaan tafsiran pihak yang terkilan (*Aggrieved*). Justeru Responden menghujahkan bahawa pihak yang terkilan dalam kes ini hanyalah Responden 1 dan Responden 2. Maka Siti Rahamah binti Osman yang tidak membuat bantahan sejak kes tuntutan pengesahan Hibah difailkan sehinggalah keputusan mahkamah diberikan tidak wajar dimasukkan sebagai Perayu dalam kes Rayuan ini.

[25] Dalam hal ini, kami bersetuju dengan hujahan Responden dan berpandangan bahawa “Perayu” adalah pihak yang terkilan dalam sesuatu perintah/penghakiman maka persetujuan atau tiadanya bantahan terhadap Penghakiman/Perintah menyebabkan tiada keperluan untuk pihak tersebut dinamakan sebagai “Perayu”. Tindakan menamakan mana-mana pihak sebagai

Plaintif/Perayu hendaklah dengan persetujuannya. Selari dengan pandangan Ahmad Abu al Wafa':

المدعي يملك تحديد خصومه، ولو كانت الخصومة لا تقبل التجزئة مالم يوجب القانون اختصاص اشخاص معينين فيها، ولكن المحكمة تملك تصحيح شكل الدعوى واختصاص الغير
أحمد أبو الوفا- المرافعات - ط 1975 - ص 551

[26] Kami dengan hormatnya merujuk peruntukkan subseksyen 20(2) iaitu:

Seksyen 20. Kesalahcantuman dan ketakcantuman pihak.

(1)

(2) *Tiada seorang pun boleh ditambahkan sebagai plaintif tanpa persetujuannya yang ditandakan secara bertulis atau dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang dibenarkan.*

[27] Berdasarkan ulasan-ulasan yang telah dinyatakan kami berpuas hati membuat keputusan bahawa permohonan Bantahan Awal ini wajar ditolak.

KEPUTUSAN

SETELAH membaca dan meneliti Notis Permohonan, Afidavit Sokongan, Afidavit Balasan serta penghujahan pihak-pihak, **MAKA KAMI** sebulat suara memutuskan sebagaimana yang berikut –

- i. Bantahan Awal Pemohon adalah **DITOLAK**

Penghakiman ini diberikan oleh:

-
1. **YAA DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NAI'IM BIN HAJI MOKHTAR**

Pengerusi

Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan

-
2. **YAA DATO' HAJI MOHD AMRAN BIN MAT ZAIN**
Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan

-
3. **YA DATO' HAJI HUSSIN BIN HAJI HARUN**
Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan